

Gemilang menerusi penghayatan Islam total

B.H. m/s 15 31.1.04



**Peguam Syariah
Menulis**

Oleh Nurhidayah Muhd Hashim

SEJARAH membuktikan peradaban dan sains Islam mendahului zamannya. Pameran kegemilangan sains dalam tamadun Islam anjuran Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Institut Sejarah Sains Arab-Islam dan Johann Woofgang Goethe University, Jerman tentunya membuka mata pengunjung pameran itu.

Pameran itu mempamerkan 148 bahan direka ilmuan Islam pada sepanjang zaman kegemilangan Islam silam. Pada ketika itu Eropah berada dalam dunia gelap atau dipanggil 'Dark Ages'. Ruang ini tidak berhasrat untuk mengolah kembali bahan dipamerkan ataupun memperkenalkan saintis Islam yang mencipta bahan itu kerana lebih baik pembaca pergi sendiri ke pameran itu bagi mendapatkan maklumat terperinci.

Apa yang cuba diutarakan di sini ialah usaha kerajaan membawa rakyat mengimbu kembali kegemilangan sains Islam ini haruslah dipuji. Kementerian itu mengamalkan satu inisiatif mulia untuk menunjukkan

dan di akhirat.

Namun, dalam kelompok umat Islam pada hari ini, ada yang berani mempersoalkan al-Quran dan al-Sunnah. Meletakkan perkara lain seperti hak persendirian dan kebebasan diri melebihi keagungan al-Quran dan al-Sunnah. Adakah kita akan cemerlang dengan cara ini? Di mana bukti umat Islam yang meninggalkan al-Quran dan al-Sunnah berjaya mencipta peradaban yang mantap dan dibanggakan menjangkau zamannya? Sedangkan kita mempunyai bukti bahawa umat yang berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah mengharumkan nama agama dan umatnya.

Tidak lama dulu masyarakat terkejut dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Meor Atiqurrahman yang lebih dikenali di kalangan ahli undang-undang sebagai kes serban. Dalam kes ini hakim itu tidak terlatih dalam bidang fikah Islami termasuk yang tidak beragama Islam memutuskan antara lain pemakaian serban bukanlah 'integral part' bagi agama Islam.

Kemudian, ada pula pelbagai komentar dalam masyarakat kita yang mengatakan serban adalah amalan orang Arab, bahkan ada yang menyatakan pemakaian serban akan menyebabkan pemakainya menjadi jumud dan tidak cerdas. Ia oksigen tidak dapat bergerak bebas dalam kepala pemakai serban. Bermacam-macam lagi andaian dibuat yang tidak didokong kajian saintifik

Apabila mengunjungi pameran sains Islam dinyatakan di atas, berdasarkan lakaran gambar yang ada, semua saintis Islam tersohor itu memakai serban, malah serban dipakai mereka itu lebih besar daripada serban dipakai rakyat Malaysia.

Timbul persoalan dalam diri penulis, adakah benar memakai serban akan menyebabkan seseorang itu mundur. Jika benar kenapakah pakar sains Islam terdahulu berjaya mendahului zamannya walaupun mereka memakai serban? Fikir-fikirkanlah persoalan ini.

Kedudukan wanita pada zaman keagungan sains Islam. Adakah mereka ini ditindas semata-mata kerana tidak ditonjolkan tokoh ilmuan Islam daripada kalangan wanita? Adakah ilmuan Islam ini meminggirkan hak wanita Islam? Dengan kecerdikan dan daya intelektual yang tinggi ini tentu ilmuan Islam ini tidak akan menindas mana-mana golongan kerana terbukti keadilan Islam melampaui batasan gender dan bangsa. Persoalan sekarang di manakah wanita ini?

Penulis berpendapat wanita ini menyokong ilmuan lelaki ini di dalam kajian mereka sama ada secara langsung ataupun tidak. Namun, ini tidak bermakna wanita Islam tidak boleh ke hadapan menonjolkan kajian ilmiah mereka. Apa yang penting ialah batasan syarak itu dipatuhi. Jangan kita mengambil pende-

nya bias dan berat sebelah.

Sistem pembelajaran di Malaysia dan kurikulum yang berkaitan juga mungkin perlu dikaji semula dan ditambah baik supaya ianya dapat menyemai elemen kebesaran Ilahi di dalam pengajaran di samping memetik sumber al-Quran dan al-Sunnah sebagai pedomannya. Begitu juga dengan fakta pelopor penemuan sains yang dikatakan bermula dari Barat perlu dibetulkan bahawa pelopor sebenar adalah orang Islam.

Abu al-A'la al-Mawdudi (1987) pernah menyatakan dalam mendidik manusia, elemen kebesaran Ilahi perlu dimasukkan dalam kurikulum yang ada. Jika tidak dikaitkan dengan Allah dan nilai keagamaan, fenomena yang kompleks yang ada di alam raya dan makhluaknya sebagai bukti manifestasi kebesaran Allah, pelajar tidak akan mampu melihat kehadiran Allah dan tidak akan berupaya untuk menyatukan (synthesize) ideologi bertentangan dengan satu penyatuan sepadu.

Umpamanya di dalam pembelajaran sains biologi, teori diajar perlu dikaitkan dengan kebesaran Allah dan sumbernya daripada al-Quran. Dakwaan Darwinisme perlu dibetulkan. Pembentukan dan pembesaran janin diceritakan di dalam al-Quran hanya diketahui saintis moden beribu-ribu tahun selepas al-Quran diturunkan. Inilah kebesaran Allah.

fakta sebenar pencapaian sains, sekali gus menzahirkan pengiktirafan terhadap usaha saintis Islam sebelum ini.

Namun begitu, kita tidak harus berbangga dengan sejarah silam saja. Sepanjang menyaksikan pameran itu, penulis berada dalam dua keadaan berbeza iaitu bangga dan gembira, dan pada masa sama berasa sedih dan pilu. Bangga melihat betapa tingginya pencapaian orang Islam terdahulu, dan sedih kerana memikirkan di mana kita, umat Islam pada hari ini? Kenapa umat Islam pada hari ini tidak maju seperti saudara kita pada zaman dahulu? Apakah perbezaan antara kita dan mereka?

Perkara sebegini harus difikirkan bagi meneruskan kelangsungan kegemilangan Islam. Kita perlu menelusuri sejarah dan kehidupan masyarakat Islam pada zaman dulu berjaya membawa kemajuan yang begitu gah dan digeruni lawan dan kawan. Sumber ilmu ditimba daripada al-Quran dan al-Sunnah hendaklah tidak diketepikan bagi memacu kecemerlangan umat bukan saja di dalam bidang sains, malah dalam apa bidang sekalipun.

Umat Islam dahulu amat berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah. Mereka tidak mempertikaikan walau sepotong ayat di dalam al-Quran atau mempermainkan sunnah Nabi. Mereka mengambil Islam secara keseluruhan dan menyerahkan pengabdian diri kepada Pencipta secara keseluruhan. Melalui kaedah ini mereka berjaya di dunia

dan statistik yang membuktikan dakwaan. Benarkah memakai serban akan menyebabkan seseorang itu mundur?

INTI PATI

- Kita perlu menelusuri sejarah dan kehidupan masyarakat Islam pada zaman dulu berjaya membawa kemajuan yang begitu gah dan digeruni lawan dan kawan.
- Sumber ilmu ditimba daripada al-Quran dan al-Sunnah hendaklah tidak diketepikan bagi memacu kecemerlangan umat bukan saja di dalam bidang sains, malah dalam apa bidang sekalipun.
- Kecerdikan dan daya intelektual tinggi ini tentu ilmuan Islam ini tidak akan menindas mana-mana golongan kerana terbukti keadilan Islam melampaui batasan gender dan bangsa.
- Dalam mendidik manusia, elemen kebesaran Ilahi perlu dimasukkan dalam kurikulum yang ada.

Apatah lagi, dengan kita mengabaikan pendidikan jika sesuatu permasalahan itu diselesaikan ilmuwan lelaki, maka orang lain mempertikaikannya serta melabelkan-

Artikel ini ditulis oleh Nurhidayah Muhd Hashim, Exco Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)



GAMBAR HILSAN

KEMAJUAN ISLAM: Pameran kegemilangan sains dalam tamadun Islam membuktikan kemajuan ilmuwan terdahulu dalam pencapaian sains dan penciptaan.